

Mun Yee 'rehat'

Azam fokus tamatkan pengajian Komunikasi Massa tahun depan

>>Oleh Wan Noriza Meor Idris

wannnoriza@NSTP.com.my

BUKAN bermaksud ingin bersara, namun bintang terjun negara, Leong Mun Yee (*gambar*) nakad untuk 'berdiam diri' sepanjang tahun depan.

Mun Yee, 28, bagaimanapun turut menafikan memberi bayangan awal untuk mengucapkan selamat tinggal kepada dunia terjun apabila mengatakan sekadar ingin memberikan tumpuan penuh terhadap pengajiannya di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Sudah tiba masanya untuk saya fokus kepada pelajaran. Saya ingin menghabiskan pengajian saya dalam bidang Komunikasi Massa pada 2013.


"Sebelum ini saya banyak menangguhkan pengajian di UPM kerana sibuk menyertai kejohanan. Kini, saya memilih untuk belajar sepenuh masa.

"Bagaimanapun, saya tidak menolak jika jurulatih masih memerlukan saya dalam mana-mana kejohanan utama tahun depan," katanya.

Mengulas lanjut, Mun Yee berkata, dia memiliki strategi tersendiri untuk lebih menyerlah dalam temasya lebih utama pada 2014.

"Jika saya cepat menamatkan pengajian pada 2013, saya akan lebih fokus terhadap sukan terjun terutama untuk berdepan saingan lebih utama pada 2014.

"Banyak kejohanan penting



pada 2014, lebih-lebih lagi saya ingin merangkul pingat Sukan Komanwel, Sukan Asia selain melayakkan diri ke Olimpik Rio 2016 yang pusingan kelayakannya turut diadakan pada tahun itu."

Menurutnya, kegagalan

merangkul pingat di Olimpik London baru-baru ini turut menaikkan lagi semangatnya untuk lebih fokus terhadap Rio 2016.

"Kerana itu saya ingin menjadikan 2013 sebagai tahun menamatkan pelajaran bagi

mengejar misi lebih penting pada 2014 dan tahun seterusnya," katanya yang menyertai 10 meter platform individu serta seirama, berpasangan dengan pemenang gangsa London 2012, Pan-delela Rinong.